

MSC & CTSB

NEWSLETTER

VOL
22

DECEMBER 2024

AUTHOR: IZZATUL HANANI
EDITOR: SITI AMIRA AISYAH

1. Digital Putrajaya Exhibition And Conference (DiPEC) @ Putrajaya

04/12/2024 (RABU)

CTSB berpeluang menyertai DiPEC 2024 @ Putrajaya bagi mempamerkan penyelesaian dan membina rangkaian bersama industri utama. DiPEC 2024 adalah salah satu platform untuk mempamerkan penyelesaian ke arah Bandar Pintar, menarik penyedia penyelesaian, majlis bandaraya, pemaju bandar, dan pembuat keputusan untuk mendorong inovasi serta transformasi digital dalam pengurusan bandar. DiPEC 2024 telah dihadiri dan disertai oleh CTSB JB dan KL.



2. Sesi Pengujian UAT Bagi Projek API Integrasi MYPATIL MPPN

04/12/2024 (RABU)



Pada 4/12/2024, sesi pengujian UAT telah diadakan selama satu hari di Majlis Perbandaran Pontian. Pengujian tersebut dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat, pengguna (jabatan), dan vendor MyPatil di MPPN. Sesi ini turut dibantu oleh dua wakil daripada CTSB JB, iaitu Inshirah dan Siti, bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan proses pengujian sistem sebelum pelaksanaanya.

3. Mesyuarat Perbincangan Bersama Theta Edge Berhad @ KL

05/12/2024 (KHAMIS)

Pada 5 Disember 2024, wakil dari CTSB telah menghadiri satu sesi perbincangan bersama Theta Edge Berhad. Perbincangan ini bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama dalam projek-projek masa hadapan. Dalam sesi tersebut, wakil CTSB turut mengambil peluang untuk memberikan demo sistem yang telah dibangunkan oleh syarikat. Perbincangan ini diharap dapat membuka peluang kerjasama strategik antara kedua-dua syarikat.



4. Aktiviti Paintball Anjuran Sport Club CTSB dan MSC @ Larkin

07/12/2024 (SABTU)

Sport Club CTSB dan MSC telah menganjurkan aktiviti paintball yang menarik di JPV Larkin, JB. Acara ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan meningkatkan hubungan antara kakitangan di CTSB dan MSC. Aktiviti ini melibatkan penyertaan aktif yang menggalakkan gaya hidup yang sihat, dan ia juga menjadi platform untuk memperkuatkan semangat berpasukan. Aktiviti ini telah dihadiri oleh ramai peserta dari CTSB dan MSC.



5. Management Retreat 2024 - Cyberport Group of Companies

09/12/2024 (ISNIN)

Management Retreat 2024 anjuran Cyberport Group of Companies telah berlangsung di Holiday Villa Hotel, Johor Bahru selama 2 hari. Program ini melibatkan penyertaan daripada kesemua Leads dan HoDs yang hadir untuk sesi strategik bersama seorang perunding profesional. Sepanjang retreat, pelbagai aktiviti seperti bengkel, perbincangan kumpulan, dan sesi pembinaan pasukan telah dijalankan. Fokus utama adalah untuk menyelaraskan visi organisasi, merancang strategi masa hadapan, dan memperkuuh kepimpinan dalam kalangan peserta.



6. Sesi Pengujian UAT API PBTPAY bersama Majlis Daerah Kota Tinggi

11/12/2024 (RABU)

Pada 11 Disember 2024, sesi pengujian UAT API PBTPay telah dijalankan dengan lancar di Menara MSC Cyberport. Sesi ini bertujuan untuk memastikan integrasi dan fungsi sistem dapat beroperasi dengan baik sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya. Pengujian tersebut melibatkan Jabatan Teknologi Maklumat bersama pengguna dari jabatan-jabatan yang berkaitan, yang memainkan peranan penting dalam memberi maklum balas terhadap sistem. Ia juga turut dihadiri oleh Inshirah dan Aina bagi membantu sesi pengujian berjalan dengan lancar.



7. Mesyuarat Persediaan Rebat Cukai 10 PBT Negeri Johor

13/12/2024 (KHAMIS)

Mesyuarat dalaman bagi persediaan rebat cukai melibatkan 10 PBT di Negeri Johor telah diadakan untuk menyelaras strategi pelaksanaan program tersebut. Mesyuarat ini dihadiri oleh team teknikal CTSB untuk mengetahui peranan masing-masing dan strategi bagi memastikan kelancaran proses pemberian rebat cukai 10 PBT. Fokus utama adalah untuk membincangkan prosedur, sistem sokongan, dan langkah-langkah komunikasi dengan pihak PBT. Mesyuarat ini memainkan peranan penting dalam memastikan rebat cukai dapat diberikan secara efisien dan menepati keperluan pihak yang terlibat dalam masa yang ditetapkan.



8. Program Eksplorasi Teknologi Robotik UTHM @ Menara MSC Cyberport

05/12/2024 (JUMAAT)

Pada 13 Disember 2024, Cybersolution Technologies Sdn. Bhd. menerima kunjungan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk program Eksplorasi Teknologi Robotik. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar dalam pembuatan robot serta memahami tujuannya di dalam industri. Ia melibatkan pelajar kursus kokurikulum Robocon (UQD10801) Seksyen 1 dan memberi fokus kepada inovasi serta teknologi terkini. Diharapkan program ini dapat membantu pelajar meneroka bidang sains dan teknologi dengan lebih yakin. Usaha ini bertujuan melahirkan graduan celik teknologi yang bersedia menghadapi masa depan. Program ini turut disertai oleh Unit Robotik dan Smart City iaitu Ikhwan, Yusuf, dan Faizul.



9. Latihan Naiktaraf Modul Kewangan Sistem EPBT 3.0

15/12/2024 (AHAD)

Sesi Latihan bersama 3 PBT iaitu Majlis Perbandaran Segamat, Majlis Daerah Tangkak, dan Majlis Perbandaran Pontian telah dijalankan serentak di Bilik Latihan Tingkat 8, Menara MSC pada 15/12/2024 sehingga 16/12/2024. Sesi Latihan ini adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan tentang apa yang telah dinaiktaraf di dalam Modul Kewangan Sistem e-PBT 3.0. Latihan ini telah dihadiri oleh beberapa wakil daripada jabatan pengguna yang terlibat dan Jabatan Teknologi Maklumat dari PBT yang terlibat



10. Perbincangan Plan Projek API SUPERAPP Majlis Perbandaran Pengerang

18/12/2024 (RABU)


Perbincangan mengenai perancangan projek API SuperApp Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) telah diadakan melibatkan vendor SuperApp dan pegawai MPP yang berkaitan. Sesi ini bertujuan untuk menyelaraskan objektif, dan keperluan teknikal bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar. Fokus utama adalah merancang struktur API, integrasi dengan sistem sedia ada, serta menetapkan garis masa projek. Perbincangan ini turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Suhana, Azwan Ahmad, Shah Erhan, dan Fyqa.



11. Sesi Q&A Untuk Bekerja Selepas Waktu Pejabat dan Kelayakan Cuti Ganti

19/12/2024 (KHAMIS)

Sesi Q&A bersama HR dan staff telah diadakan untuk membincangkan tentang bekerja selepas waktu pejabat dan kelayakan cuti ganti. Sesi ini bertujuan memberikan penjelasan terperinci mengenai polisi syarikat berkaitan kerja lebih masa serta prosedur untuk memohon cuti ganti. Selain itu, staff CTSB dan MSC berpeluang mengemukakan soalan dan mendapatkan penjelasan langsung daripada pihak HR. Sesi ini juga turut dihadiri oleh CTO, Puan Arina bagi menjelaskan perkara-perkara tersebut.



12. Perbincangan Dan Latihan Semula Modul Kedatangan HR MPKU

22/12/2024 (AHAD)

Perbincangan dan latihan semula modul eKedatangan bersama HR Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah diadakan selama 1 hari untuk memastikan pemahaman yang lebih baik mengenai sistem kehadiran. Sesi ini telah dihadiri oleh Jabatan HR MPKu dan Jabatan Teknologi Maklumat. Turut disertai oleh pihak CTSB iaitu Aina, Edy Izwan, dan Hana.



14. Perbincangan API Smart Parking PMO dan Helpdesk MBIP

24/12/2024 (SELASA)

Perbincangan bagi API Smart Parking, PMO, dan juga helpdesk telah dibincangkan di dalam satu mesyuarat yang telah diadakan di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Ia bagi membincangkan isu yang memerlukan MBIP dan juga vendor untuk memberi maklumbalas supaya proses tersebut berjalan dengan lancar. Perbincangan ini telah dihadiri oleh Puan Arina, Suhana, Fadhzillah, Wana dan Fyqa.

13. Sesi Pengujian UAT Dan Latihan Aset Tak Alih Majlis Bandaraya Diraja Klang

23/12/2024 (ISNIN)

Sesi pengujian dan Latihan UAT Aset Tak Alih telah dijalankan di MBDK. Sesi ini bertujuan untuk memastikan fungsi sistem dapat beroperasi dengan baik sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya. Pengujian tersebut melibatkan Jabatan Teknologi Maklumat bersama pengguna dari jabatan-jabatan yang berkaitan, yang memainkan peranan penting dalam memberi maklum balas terhadap sistem. Ia juga turut dihadiri oleh Habibah, Azizi, Syahirah, dan Amirah bagi membantu sesi pengujian berjalan dengan lancar.

15. Mesyuarat Kick-Off Langganan Dan Penggunaan ChatGPT MPKU

29/12/2024 (AHAD)

Mesyuarat Kick-Off Langganan dan Penggunaan ChatGPT MPKU diadakan untuk memulakan penggunaan teknologi ChatGPT dalam operasi Majlis Perbandaran Kulai (MPKu). Sesi ini melibatkan perbincangan mengenai objektif, faedah, dan penggunaan ChatGPT untuk meningkatkan efisiensi kerja serta perkhidmatan pelanggan. Mesyuarat ini bertujuan memastikan semua pihak memahami cara penggunaan dan integrasi ChatGPT dalam aliran kerja MPKU. Diharapkan, penggunaan ChatGPT dapat mempercepatkan proses kerja dan meningkatkan kualiti perkhidmatan di MPKu. Turut dihadiri oleh wakil CTSB iaitu Ikhwan dan Hana.

